



Hambali Jaili




**MENJAUHI SIFAT MAZMUMAH DI
JALAN RAYA: MUJAHADAH YANG
DITUNTUT**

**THE CARS WE
DRIVE SAY A LOT
ABOUT US.**

STATISTIK KEMALANGAN JALANRAYA DI BRUNEI DARUSSALAM



JENIS KECEDEeraan	2010	2011	2012	2013	2014
Kematian	26	47	28	32	24
Cedera Parah	74	69	45	64	42
Cedera Ringan	624	630	444	446	392




Sedarilah kita juga dua kali lima

KETIKA memandu ke tempat kerja pada setiap pagi, saya biasa berdepan dengan kenderaan yang melanggar lampu merah, berhenti di petak kuning, memandu perlahan di lorong laju, memandu laju dan memotong di lorong perlahan atau pun memintas kereta saya tanpa memberi lampu isyarat pun.

Ada masanya, saya berdepan dengan kenderaan di hadapan yang lambat sangat bergerak ketika lampu isyarat bertukar hijau, kereta yang mengubah haluan dan memasuki lorong saya di tempat pembayaran tol atau membunyikan hon apabila saya mengambil masa yang lama untuk menyeberangi simpang empat.

Apa yang akan saya lakukan apabila ternampak kesalahan-kesalahan jalan raya, kurang timbang rasa pemandu lain atau mereka yang menyusahkan pemanduan saya? Saya tidak lakukan apa-apa. Tersenyum tidak, marah pun saya tidak lakukan. Malah, saya maafkan



sendirian. Mengapa? Kerana kesemua kerenah, telatah, gelagat dan kesalahan yang dilakukan oleh pemandu-pemandu itu sebenarnya pernah saya lakukan.

Maaf cakap. Saya tidak berniat langsung untuk menggalakkan pelanggaran etika dan undang-undang di jalan raya. Malah, saya penjunjung kedaulatan undang-undang. Kesalahan-kesalahan itu kadangkala saya lakukan, tidak dibuat hari-hari sebagai satu tabiat seseorang yang suka melanggar peraturan.

Dalam pada itu, saya sedar dan memahami si pelaku kerana saya juga pernah melakukan kesalahan jalan raya sepertinya. Oleh kerana saya pernah buat kesilapan dan kesalahan jalan raya sebagai pemandu, maka saya patut menerima seadanya jika saya ternampak mereka yang

kesalahan itu.

Pendek kata, jika kita pernah melakukan sesuatu dosa ketika kita lalai, kita mestilah bersedia untuk memahami dan memaafkan mereka yang melakukan dosa yang sama seperti yang pernah kita lakukan. Mungkin, mereka yang melakukan kesalahan itu alpa atau mempunyai masalah lain hingga tidak sengaja atau terpaksa melanggar peraturan.

Sebaliknya, apa yang banyak kita lihat pada hari ini ialah, terdapat mereka yang mengkritik, mencerca, menghina, malah menghukum mereka yang melakukan sesuatu kesalahan, seolah-olah dia atau keluarganya sendiri tidak pernah melakukan kesalahan itu. Seolah-olah dia manusia yang tiada dosa sama sekali. Inilah sikap dua kali lima yang kita anuti tanpa disedari.

Oleh kerana tidak sedar akan kelemahan diri, yang ada ketikanya dua kali lima juga seperti orang lain, maka kita

bagus ketika berada dalam suasana yang baik. Kita mengata orang yang bersolat laju, sedangkan kita sendiri selalu lewat mendirikan sembahyang.

Kita menjegil mata pada orang yang memotong barisan kita di pejabat pos, tetapi kita minta tolong anak saudara kita yang bekerja di bank untuk mendahulukan transaksi kita. Kita memarahi anak yang tidak sudah-sudah hendakkan mainan baru sedangkan kita juga tidak habis-habis menghias kereta hingga kosnya menelan beribu ringgit.

Kita meleteri isteri yang membuang masa dengan bergosip bersama jiran, padahal kita menghabiskan berhari-hari memancing di tempat yang jauh. Kita memarahi kakitangan yang lewat datang mesyuarat, walhal kita terus batalkan mesyuarat bila kita sedar yang kita terlewat menghadirinya.

Sikap dua kali lima ini terjadi apabila kita asyik mencari kesalahan orang tetapi tidak ingat

berlaku kerana kita suka sangat memandang ke luar, dan tidak pandai memandang ke dalam diri. Muhasabah bukan menjadi cara untuk mengenali kelemahan diri. Kerana tiada cara mentarbiah diri, maka diri dirasakan baik dan bagus sedangkan orang lain buruk. Sikap begini tidak disukai Allah dan Rasul.

Bersabda Rasulullah SAW: *“Wahai sekalian yang mendakwa beriman dengan lidahnya, namun iman tidak masuk ke dalam hatinya, jangan kamu mengumpat kaum Muslimin, jangan kamu mencari-cari keaiban mereka. Sesiapa yang mencari-cari keaiban kaum Muslimin, maka Allah akan mencari keaibannya. Sesiapa yang Allah cari keaibannya, maka Allah akan mendedahkannya sekalipun di rumahnya. (Hadis sahih. Riwayat Abu Daud dan Ahmad)*

Layari <http://www.maafcakap.blogspot.com> untuk

Plus: Rakyat Malaysia sopan, tapi tidak di jalan raya

- KUALA LUMPUR, 4 Julai — Rakyat Malaysia sememangnya dikenali dengan sopan santun dan berbudi bahasa namun berubah sikap ketika memandu di jalan raya, kata Projek Lebuhraya Usahasama Berhad (Plus).
- Memandu laju, guna telefon ketika memandu, menggunakan lorong kecemasan, Pengarah Urusan Plus berkata sikap buruk pemandu itu boleh membahayakan pengguna lain dan menyebabkan kemalangan.
- <http://www.themalaymailonline.com/projekmmo/berita/article/plus-rakyat-malaysia-sopan-tapi-tidak-di-jalan-raya#sthash.VvbohOhU.dpuf>



**WHAT
KIND OF
A DRIVER
ARE YOU?**



MAZMUMAH JALAN RAYA

- Akhlak mazmumah ialah perangai atau tingkah laku yang tercermin pada diri manusia yang cenderung melekat dalam bentuk yang tidak menyenangkan orang lain.
- Dalam beberapa kamus dan ensiklopedia dihimpun pengertian “buruk” sebagai berikut:
 - a) Rosak atau tudak baik, jahat, tidak menyenangkan, tidak elok, jelek.
 - b) Perbuatan yang tidak sopan, kurang ajar, jahat, tidak menyenangkan.
 - c) Segala yang tercela, iaitu perbuatan yang bertentangan dengan norma-norma atau agama, adat istiadat, dan masyarakat yang berlaku.

1. Tidak Sabar dan Cepat Marah

- Marah merupakan suatu bentuk emosi yang memang lumrah atau alami ada pada setiap manusia, namun *wujudnya* berbeza-beza. Secara istilah, **الْغَضَبُ** bererti perubahan emosi oleh kekuatan untuk menghilangkan perasaan tidak nyaman dan gemuruh di dada. Marah boleh membuat seseorang berbuat kekerasan terutama bagi mereka yang tidak memiliki kawalan emosi yang baik hingga menyebabkan kemarahan tidak dapat dikawal.



HNDGW%#@%

Hcsajhfa%7

meytadeanty

Marah Di Jalan Raya: Akhlaq Tercela

- **Marah yang Tercela** : Merupakan marah yang dilakukan atas dasar balas dendam atau tidak puas hati. Marah yang tidak untuk menegakkan kebenaran atau marah yang diiringi dengan perbuatan tercela lainnya.

- Hadits dari Abu Hurairah Radhiyallahu anhu, bahwa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda:

لَيْسَ الشَّدِيدُ بِالصُّرْعَةِ، إِنَّمَا الشَّدِيدُ الَّذِي ((
يَمْلِكُ نَفْسَهُ عِنْدَ الْغَضَبِ))

"Orang yang kuat bukanlah dengan bergulat, namun orang yang kuat itu adalah orang yang mampu mengendalikan dirinya ketika marah."

- 'Umar Radhiyallahu anhu pernah berkata dalam khutbahnya:

- ((أَفْلَحَ مِنْكُمْ مَنْ حَفِظَ مِنَ الطَّمَعِ، وَالْهَوَى، وَالْغَضَبِ))

"Orang yang beruntung di antara kamu adalah orang yang terjaga dari ketamakan, hawa nafsu dan marah."

- 'Abdullah Ibnu Mubarak berkata: *"Sebutkanlah kepada kami secara menyeluruh dalam satu kalimat tentang akhlak yang baik."* Maka ia berkata, *"Meninggalkan marah."*

2. Sombong

Sombong atau dalam istilah Arabnya *Al-Bathar*, dalam kamus lisan Al-Arab disebutkan bahwa erti kata bathar sinonim dengan *takabur* yang berarti sombong. Rasulullah SAW dalam hadtis menjelaskan definisi sombong :

الْكِبْرُ بَطْرُ الْحَقِّ وَغَمَطُ النَّاسِ

Sombong ialah tidak menerima kebenaran dan menghina sesama manusia.

Menurut Raghib Al Asfahani Ia mengatakan, "Sombong adalah keadaan seseorang yang merasa bangga dengan dirinya sendiri . Memandang dirinya lebih besar dari pada orang lain.



- Allah Ta'ala berfirman (di dalam Hadis Qudsi):

"Kesombongan adalah selendangKu dan kebesaran adalah sarungKu. Maka barang siapa menyamai-Ku salah satu dari keduanya, maka pasti Kulemparkan ia ke dalam Jahannam dan tidak akan Kupidulikan lagi."

- Abu Bakar Al-Hazali berkata:

"Suatu hari kami bersama Hassan. Lalu Ibn al-Ahlam datang kepada kami hendak bercukur. Dia memakai jubah sutera tersusun di atas betis, tersingkap pula bahagian luarnya. Dia berjalan berlenggang. Perbuatannya yang sedemikian itu dilihat oleh Hassan, lalu Hassan pun berkata: "Alangkah ombongnya, ia memalingkan pipi dan menampakkan kebodohnya. Ketahuilah engkau akan terlihat kebodohanmu dalam nikmat yang tidak disyukuri dan tidak menggunakannya sesuai dengan perintah Allah serta tidak pula memberikan haknya pada setiap yang memerlukan. Nikmat itu hak Allah dan dengannya syaitan sentiasa mencari mangsa. Demi Allah, seseorang yang berjalan dengan wataknya atau bergerak seperti orang gila itu lebih baik daripada ini." Ibn al-Ahlam mendengar lalu dia kembali dan minta maaf kepadanya. Hassan berkata, "Jangan kau minta maaf padaku, tapi bertaubatlah kepada Allah. Tidakkah engkau dengar firman Allah yang mafhumnya:


"Janganlah engkau berjalan di muka bumi dengan sombong, sesungguhnya engkau itu tiada dapat menembusi bumi dan tidak akan engkau sampai setinggi gunung." (Al-Isra' :37)

- 
- 
- Dalam hadits ada menjelaskan riwayat Imam Muslim daripada Abdillah bin Mas'ud, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda yang bermaksudnya:
 - *"Tidak masuk syurga orang yang ada dalam hatinya seberat biji sawi dari kesombongan. Maka seorang lelaki bertanya: Sesungguhnya seseorang menyukai pakaiannya yang bagus dan seliparnya elok. Nabi menjawab: Sesungguhnya Allah Maha Indah dan menyukai keindahan, sombong itu menolak kebenaran dan meremehkan manusia."*


3. Tiada Ithar atau pentingkan diri sendiri

- Ithar bermaksud mendahulukan hajat orang lain melebihi dirinya sendiri. Contohnya seseorang yang menahan lapar dan dahaga demi menghilangkan lapar dan dahaga manusia lain terlebih dahulu. Sifat ini jelas mengutamakan orang lain daripada diri sendiri. Ianya adalah sifat mulia seseorang muslim yang hanya menginginkan keredhaan Allah SWT. Ini bersesuaian dengan sebuah hadis sahih yang bermaksud:

"Tidak sempurna iman seseorang sehingga dia menyayangi saudaranya seperti dia menyayangi dirinya sendiri".

- 
- Lawan kepada sifat ithar ialah sifat pentingkan diri sendiri. Sifat ini membawa maksud menyayangi diri sendiri sehinggakan mendahulukan kepentingan diri sendiri semata-mata tanpa menghiraukan keperluan orang lain. Ini merupakan satu sifat buruk yang perlu dihindari oleh manusia.
 - Dalam konteks kemalangan jalan raya, maka kedua-dua sifat ithar dan pentingkan diri sendiri memberi kesan yang besar dari aspek positif dan negatif dalam menyumbang kepada statistik kemalangan.



- 
- Apabila sifat itihar menjadi amalan pengguna jalan raya, maka sudah tentu wujud suasana harmoni dan bertolak ansur mendahulukan yang lain di kalangan mereka yang akhirnya boleh mengelakkan kemalangan dan seterusnya menyelamatkan nyawa. Ini kerana pengguna jalan raya masing-masing sanggup memberi laluan, bertolak ansur walaupun kadang-kadang dalam sesuatu situasi di atas jalan raya, mereka sebenarnya lebih berhak melalui sesuatu jalan atau sebagainya.



"It takes thousand bolts to assemble an automobile, and one nut to scatter it all over the road.."